

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BUKAN LISAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR  
[ CAMERON HIGHLANDS ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah status terkini Dasar Keusahawanan Nasional 2030 yang telah dilaksanakan pada tahun 2019 dan apakah kesannya terhadap masa depan usahawan muda Bumiputera di dalam negara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

1. Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030) yang dilancarkan pada Julai 2019 merupakan strategi jangka panjang negara dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan (entrepreneurial nation) yang unggul menjelang tahun 2030. Pada masa ini, DKN 2030 ini masih di peringkat pelaksanaan dan dipantau oleh MEDAC.
2. Antara objektif yang disasarkan bagi DKN2030 ini adalah seperti mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik dan kondusif bagi menyokong agenda pembangunan sosioekonomi Malaysia yang inklusif, seimbang dan mapan.
3. Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada 29 Julai 2020, PKS telah menyumbang sebanyak 38.9% kepada KDNK negara pada tahun 2019 dengan peluang pekerjaan yang

dijana oleh PKS sebanyak 48.4% (mengguna pakai metodologi baharu dengan tidak mengambil kira Kerajaan, sektor informal tidak termasuk sektor pertanian, perniagaan yang tidak berdaftar dalam sektor pertanian dan aktiviti penyumberan luar, dalam pengiraan penyebut (denominator) bagi guna tenaga PKS). Selain itu, pada tahun 2019, PKS telah menyumbangkan sebanyak 17.9% kepada nilai eksport negara dan sumbangan perolehan koperasi bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM45.8 bilion.

4. Dasar ini juga turut memberi penekanan terhadap **penglibatan Bumiputera** dalam bidang keusahawanan dalam membangunkan agenda sosioekonomi negara. Antara strategi-strategi yang telah digariskan adalah seperti berikut:

- (i) Teras Strategik 1: **Membudayakan Keusahawanan dalam Segennap Lapisan Masyarakat** telah menggariskan strategi bagi mempromosikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan kepada belia, wanita dan golongan B40 terutamanya dalam kalangan Bumiputera melalui pendidikan dan kemahiran usahawan dalam kalangan pelajar dan siswazah Bumiputera.
- (ii) Teras Strategik 3: **Merangsang Pembangunan Keusahawanan Bersepadu dan Holistik, Memantapkan Keupayaan dan Prestasi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana** turut mensasarkan program bantuan dan intervensi bersasar untuk meningkatkan keupayaan dan kemahiran keusahawanan Bumiputera.
- (iii) Teras Strategik 5: **Memantapkan Keupayaan dan Prestasi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana** dengan mewujudkan vendor berbilang tingkat (multiple tiers) dalam kalangan Bumiputera serta menyediakan bantuan bersasar bagi akses pasaran terutama kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana Bumiputera.
- (iv) Teras Strategik 6: **Pengantarabangsaan Perusahaan Berpertumbuhan Tinggi** dengan memudahkan akses kepada perusahaan tempatan khususnya Bumiputera untuk menembusi pasaran antarabangsa.

5. Program dan inisiatif yang dilaksanakan oleh MEDAC antara lain adalah bagi memberi peluang perniagaan, meningkatkan sumber pendapatan dan menyediakan peluang pekerjaan. Antara program dan inisiatif yang dilaksanakan oleh MEDAC melibatkan usahawan muda Bumiputera adalah seperti:

- (i) **Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE).** Program ini memberi peluang kepada belia Bumiputera bagi memulakan perniagaan. Program ini dilaksanakan sejak tahun 2014 dan sehingga kini telah melahirkan 5,001 usahawan baharu, menyediakan lebih 10,000 peluang pekerjaan dan sejumlah RM127.17 juta nilai jualan terkumpul dicatatkan daripada perniagaan yang dijalankan oleh peserta.
- (ii) **Technopreneurship Programme for Young Graduates (TPYG).** Program ini menyediakan peluang kepada graduan dan bakal graduan Bumiputera untuk membangunkan kemahiran dan pengetahuan dengan teknologi 4.0 yang seterusnya berpotensi memberi peluang pekerjaan kepada peserta yang memenuhi kelayakan di syarikat berasaskan teknologi dan membuka peluang untuk peserta mencebur ke bidang keusahawanan teknologi. Pada tahun 2020, 210 peserta telah mendapat pekerjaan dan mengikuti penempatan latihan industri (3 bulan) di syarikat berasaskan teknologi melibatkan 45 syarikat; dan
- (iii) Agri-Coaching and Industry Development Programme; (ACID2020) oleh INSKEN. Program ini adalah bagi meningkatkan kemahiran keusahawanan dalam kalangan belia Bumiputera khususnya golongan B40 dan masyarakat luar bandar melalui latihan dan bimbingan perniagaan dengan perlaksanaan dalam bidang pertanian. Sehingga Oktober 2020, sebanyak 49 peserta terdiri daripada belia Bumiputera telah terpilih bagi menjalani program ini.

Sekian, terima kasih.